

MESYUARAT PENYELARASAN PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PROJEK KOMUNITI SEMPENA PROGRAM ENHANCED PRIMARY HEALTH CARE (EnPHC) KKM

Mesyuarat Penyelarasan Perancangan Dan Pelaksanaan Projek Komuniti Sempena Program Enhanced Primary Health Care (Enphc) KKM telah diadakan di PKD Hulu Selangor pada 7 September 2017. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pn. Noraini Mustafa, Pengarah Bahagian Perancangan dan Penilaian (P&E) MySihat.

Mesyuarat ini disertai wakil JKN Selangor, BPKK KKM, PKD Hulu Langat, KK Hulu Yam, NGO kesihatan iaitu wakil Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF), Panel Penasihat Klinik dan sebagainya. EnPHC bertujuan meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan komuniti/ penduduk dengan mendaftarkan maklumat ke dalam sistem MoVES Kementerian Kesihatan Malaysia. Pendaftaran ini amat penting kepada kementerian dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lebih berkualiti pada masa akan datang.





